



**PANDUAN KECEMERLANGAN
PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN
ALAM SEKITAR**



**UNIT AUDIT DALAM
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
2017**

KANDUNGAN

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
	KANDUNGAN	i
	PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA NRE	ii
	PRAKATA KETUA UNIT AUDIT DALAM NRE	iii
1.	PENDAHULUAN	1
2.	KAWALAN PENGURUSAN	4
3.	KAWALAN BAJET	7
4.	KAWALAN TERIMAAN	9
5.	KAWALAN PEROLEHAN	13
6.	KAWALAN PERBELANJAAN	17
7.	KAWALAN PENGURUSAN AKAUN AMANAH/ KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT	20
8.	KAWALAN PENGURUSAN ASET DAN STOR	23
9.	KAWALAN PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN	30
10.	RUJUKAN UTAMA PENGURUSAN KEWANGAN	33
11.	PENUTUP	36



PERUTUSAN

**Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan izinNya, Panduan Kecemerlangan Pengurusan Kewangan, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar telah berjaya diterbitkan.

Penerbitan Panduan Kecemerlangan Pengurusan Kewangan ini merupakan inisiatif penting dalam usaha meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan serta menjamin akauntabiliti awam pada tahap paling tinggi. Tugas mengendalikan pengurusan kewangan dengan cekap dan berkesan adalah merupakan satu amanah besar bagi setiap pegawai Kerajaan. Dengan penerbitan Panduan ini juga, Ketua Jabatan/Agensi serta seluruh warga Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar dapat menjadikannya sebagai bahan rujukan dan panduan dalam memenuhi kehendak dasar dan peraturan pengurusan kewangan.

Isu pembaziran, pemborosan dan penyelewengan wang awam sering dikaitkan dengan kelemahan pemantauan terhadap sistem dan prosedur serta isu integriti kakitangan dalam organisasi. Dengan mematuhi segala peraturan pengurusan kewangan berkuatkuasa, isu ini dapat dibendung dan menghalang daripada berlaku di Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing. Justeru, saya amat berharap agar semua urusan dan tindakan yang dikendalikan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan telus. Perkara ini adalah penting dan perlu diberi penekanan serta dibudayakan oleh semua warga NRE.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Unit Audit Dalam kerana telah berusaha untuk memantapkan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi melalui penerbitan Panduan Kecemerlangan Pengurusan Kewangan ini. Semoga dengan usaha dan komitmen ini dapat mewujudkan budaya pengurusan kewangan yang cemerlang di NRE.

Sekian, terima kasih.


(DATO' SRI AZIZAN BIN AHMAD)

5 Julai 2017



PRAKATA

Ketua Unit Audit Dalam Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, salam penuh kesyukuran saya panjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatNya Unit Audit Dalam (UAD) telah berjaya menerbitkan Panduan Kecemerlangan Pengurusan Kewangan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Panduan Kecemerlangan Pengurusan Kewangan ini mengandungi sebahagian besar Peraturan/Pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam serta arahan-arahan semasa yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan. Tarikh akhir peraturan/pekeliling di dalam panduan ini dikemaskini adalah pada 15 Mei 2017. Susulan itu, semua pengguna panduan ini hendaklah sentiasa memberi perhatian terhadap pindaan-pindaan peraturan selepas tarikh berkenaan.

Penerbitan panduan ini yang pertama kali diterbitkan oleh UAD diharap akan menjadi rujukan utama kepada semua pegawai yang terlibat untuk mencapai kecemerlangan pengurusan kewangan. Dikesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai Unit Audit Dalam di atas usaha dan kerjasama yang diberikan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Sri KSU atas sokongan, nasihat dan perhatian dalam penerbitan panduan ini.

Akhir kata, saya berharap Panduan Kecemerlangan Pengurusan Kewangan ini dapat dijadikan panduan dan rujukan utama dalam usaha meningkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan di NRE.

Sekian, terima kasih.


(AZMAN BIN MAHMOOD)
5 Julai 2017

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Pengurusan kewangan merupakan satu aktiviti penting untuk mencapai objektif Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan. Oleh yang demikian, pengurusan kewangan Kerajaan perlu dilakukan dengan teratur, cekap dan berkesan bagi memastikan semua wang awam yang diterima dan dibelanjakan memberi manfaat yang optimum. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan serta seluruh warga Kementerian perlu memahami konsep kepentingan dan prinsip utama pengurusan kewangan bagi memantapkan prestasi pengurusan kewangan sektor awam.
- 1.2 Pengurusan kewangan adalah merupakan proses di mana sesebuah organisasi perlu mematuhi tatacara dan peraturan yang ditetapkan untuk memperolehi dan menggunakan sumber berdasarkan kepada objektif tertentu. Ia merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan dan penilaian kewangan. Setiap program/aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi perlu dilaksanakan secara ekonomi, cekap, berkesan dan telus serta pencapaiannya memenuhi objektif yang telah ditetapkan.
- 1.3 Objektif pengurusan kewangan adalah untuk membantu pihak pengurusan Kementerian/Jabatan/Agensi dalam membuat sebarang keputusan, menguruskan risiko, mematuhi undang-undang dan peraturan serta memastikan segala sumber yang ada digunakan dengan cekap, berkesan dan ekonomi. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal dalam memastikan objektif pengurusan kewangan dicapai dengan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi dapat dinilai melalui lapan elemen utama pengurusan kewangan seperti berikut:
 - a) Pengurusan Organisasi
 - b) Pengurusan Bajet
 - c) Pengurusan Terimaan
 - d) Pengurusan Perolehan
 - e) Pengurusan Perbelanjaan
 - f) Pengurusan Akaun Amanah, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Deposit
 - g) Pengurusan Aset dan Stor
 - h) Pengurusan Kenderaan Kerajaan

1.4 Kecemerlangan pengurusan kewangan memerlukan penyertaan, komitmen dan sokongan padu keseluruhan warga Kementerian/Jabatan/Agensi. Dalam usaha meningkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan termasuk pelaksanaan program dan aktiviti, setiap warga Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah mengamalkan 5 ciri asas yang boleh diringkaskan sebagai SIKAP iaitu dari segi *Skill, Interest, Knowledge, Attitude* dan *Procedure* seperti berikut:

- a) *SKILL* - Pengurusan kewangan dan pengurusan program/aktiviti yang sistematik serta cekap memerlukan kemahiran dalam mengaplikasikan konsep dan kaedah pengurusan kewangan secara berkesan. Kemahiran berkenaan hanya dapat dipertingkatkan melalui pembelajaran dan latihan yang berterusan.
- b) *INTEREST* - Melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan penuh minat dan bertekad untuk menyiapkan tugas dengan segera akan mendorong individu berusaha untuk mempelajari dan menambah baik mutu kerjanya.
- c) *KNOWLEDGE* - Setiap Pegawai perlu mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam mengurus kewangan terutamanya mengenai undang-undang dan peraturan berhubung pengurusan kewangan serta proses kerja yang perlu diikuti.
- d) *ATTITUDE* - Pegawai yang menguruskan wang awam hendaklah mempunyai sikap yang berasaskan nilai-nilai serta akhlak murni seperti amanah, berintegriti, beretika, akauntabiliti dan berdisiplin.
- e) *PROCEDURE* - Setiap proses kerja hendaklah mempunyai prosedur/senarai semak yang jelas dan mudah difahami yang menitikberatkan wujudnya kawalan dalaman bagi mengelakkan 3P iaitu penyelewengan, pemborosan dan pembaziran.

1.5 Pengurusan kewangan yang cemerlang boleh menghindarkan amalan rasuah, pembaziran, pemborosan dan penyelewengan. Diharapkan Panduan Kecemerlangan Pengurusan Kewangan ini dapat dijadikan sumber rujukan yang berguna ke arah memantapkan lagi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian dan Jabatan/Agensi masing-masing.

- 1.6 Dari segi kecemerlangan pengurusan kewangan, ianya dapat diukur melalui penarafan yang dibuat hasil pengauditan yang dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam dan Jabatan Audit Negara. Kementerian/Jabatan/Agensi akan diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti berikut:

**JADUAL 1
SKOR DAN TAHAP PENGURUSAN KEWANGAN**

MARKAH KESELURUHAN	TAHAP	PENARAFAN
90 – 100	Cemerlang	★★★★★
80 – 89.9	Baik	★★★★
70 – 79.9	Memuaskan	★★★
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	★★
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	★

- 1.7 Semua PTJ di Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah berusaha untuk mencapai tahap cemerlang melalui pematuhan peraturan pengurusan kewangan yang berkuatkuasa. Melalui komitmen dan usaha berterusan oleh semua pegawai terlibat dan sokongan penuh semua Ketua Jabatan/Agensi terlibat, tahap kecemerlangan ini diyakini dapat dicapai.

2. KAWALAN PENGURUSAN

BIL	PERKARA	KRITERIA	RUJUKAN
2.1	STRUKTUR ORGANISASI		
2.1.1	Carta Organisasi	i. Disediakan, lengkap, kemas kini dan dipamerkan.	i. <u>Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007</u> (m/s:1), <u>PKPA Bil. 8 Tahun 1991</u> (m/s:10)
2.1.2	Penurunan Kuasa / Surat Lantikan	i. Semua pegawai terlibat dengan pengurusan kewangan diberikan kuasa/dilantik secara bertulis (bajet, terimaan, perbelanjaan, amanah); ii. Penurunan kuasa secara khusus diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam kutipan dan bayaran (urusan kutipan secara manual atau elektronik); iii. Penurunan kuasa secara khusus diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam bayaran (mengesah dan memperakui baucar bayaran).	i. <u>AP11(a)</u> (m/s:8), <u>AP53</u> (m/s:21), <u>AP200.1</u> (m/s:99), <u>AP69</u> (m/s:28), <u>AP70</u> (m/s:28), <u>AP101</u> (m/s:47)
2.2	SISTEM DAN PROSEDUR		
2.2.1	Manual Prosedur Kerja (MPK) - Proses Kerja Kewangan	i. Proses kerja berkaitan Pengurusan Kewangan disediakan dengan lengkap dan kemas kini.	i. <u>Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007</u> (m/s:39), <u>PKPA Bil. 8 Tahun 1991</u> (m/s:8,12,23)
2.2.2	Fail Meja (FM) – Senarai Tugas	i. Disediakan; ii. Menunjukkan dengan jelas hubung kait pegawai atasan, pegawai bawahan dan rakan sejawat; iii. Dikemas kini jika melibatkan pertukaran jenis tugas.	i. <u>Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007</u> (m/s:39), <u>PKPA Bil. 8 Tahun 1991</u> (m/s:17,18,23)

2. KAWALAN PENGURUSAN

BIL	PERKARA	KRITERIA	RUJUKAN
2.2.3	Pemeriksaan Dalam Mengikut AP308	<ul style="list-style-type: none"> i. Dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik; ii. Pemeriksaan dijalankan terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan aset awam; iii. Direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut. 	i. <u>AP308</u> (m/s:118)
2.2.4	Pemeriksaan Mengejut Mengikut AP309	<ul style="list-style-type: none"> i. Dijalankan oleh Ketua Jabatan; ii. Pemeriksaan mengejut meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang berharga; iii. Dijalankan sekurang-kurangnya sekali setiap enam bulan; iv. Direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap. 	i. <u>AP309</u> (m/s:118)
2.3	PERTANYAAN AUDIT		
2.3.1	Pengesanan Teguran Audit/ Daftar/Rekod Pertanyaan Audit	<ul style="list-style-type: none"> i. Diselenggara bagi tujuan pemantauan; ii. Diselenggarakan dengan kemas kini; iii. Pertanyaan Audit telah dijawab dalam tempoh yang ditetapkan; iv. Teguran Audit diambil tindakan. 	i. <u>AP306</u> (m/s:117)
2.4	JAWATANKUASA		
2.4.1	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)	<ul style="list-style-type: none"> i. Ditubuhkan; ii. Keahlian JPKA adalah seperti yang ditetapkan Pekeliling; iii. Bermesyuarat setiap 3 bulan; iv. Minit mesyuarat disediakan; v. Bincang perkara yang ditetapkan; vi. Laporan Suku Tahun ditandatangani oleh Pengerusi mesyuarat dan dikemukakan kepada Perbendaharaan / Kementerian dalam tempoh ditetapkan; vii. Tindakan susulan diambil terhadap keputusan mesyuarat yang lepas. 	i. <u>1PP-PS 5.1</u> (m/s:2 - 4)

2. KAWALAN PENGURUSAN

BIL	PERKARA	KRITERIA	RUJUKAN
2.4.2	Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (peringkat Kementerian)	i. Ditubuhkan; ii. Keahlian JTPK adalah seperti yang ditetapkan Pekeliling; iii. Takwim mesyuarat disediakan; iv. JTPK bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali atau yang ditetapkan oleh Pengerusi; v. Perkara yang dibincang mengikut Pekeliling; vi. Minit mesyuarat disediakan; vii. Tindakan susulan diambil terhadap keputusan mesyuarat yang lepas.	i. <u>Arahan Perdana Menteri No. 1/2004 (m/s:4) & [Lampiran I (m/s:14-16)]</u>
2.5	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA		
2.5.1	Pusingan Tugas	i. Ditetapkan/ dirancang; ii. Dilaksanakan.	i. <u>Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2004 (m/s:2)</u> ii. <u>Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 (m/s:18)</u>
2.5.2	Pengurusan Lembaga Tatatertib/ Surcaj	i. Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam disediakan; ii. Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam dihantar kepada urusetia tatatertib mengikut tempoh yang ditetapkan.	i. <u>Perintah Am – Bab D (Peraturan-peraturan pegawai awam – kelakuan dan tatatertib 1993) & Surat JPA bertarikh 29 April 2015; Ruj.JPA.BK(S) 343/121/4- 7 JLD.2(12)</u>

3. KAWALAN BAJET

BIL	PERKARA	KRITERIA	RUJUKAN
3.1	PENYEDIAAN BAJET		
3.1.1	Penyediaan Bajet	i. Cadangan bajet disediakan berdasarkan input daripada semua peringkat Aktiviti dan Program; ii. Laporan Bajet Program dan Prestasi tahun 2018 dikemukakan kepada Pejabat Belanjawan Negara, Perbendaharaan Malaysia sebelum 30 Jun 2017.	i. <u>1PP-PB1.1</u> (m/s:9) ii. <u>1PP-PB1.3</u> [Lampiran A, (m/s:12)]
3.2	PENGAGIHAN PERUNTUKAN		
3.2.1	Pengagihan Peruntukan	i. Peringkat Kementerian / Pegawai Pengawal / Jabatan (yang ada PTJ di bawahnya) Waran Peruntukan Kecil bagi Perbelanjaan Mengurus dikeluarkan dengan kadar segera kepada PTJ dan Agensi Pelaksana tidak lewat daripada 31 Januari 2017.	i. <u>1PP-PB1.2</u> (m/s:9)
3.3	KELULUSAN VIREMEN/ PINDAH/TAMBAHAN PERUNTUKAN		
3.3.1	Kelulusan Viremen / Pindah / Tambah Peruntukan	Peruntukan Mengurus i. Waran pindah peruntukan ditandatangani oleh Pegawai Pengawal atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis dan mendapat kelulusan Perbendaharaan; ii. Semua salinan waran pindah peruntukan dikemukakan kepada Akauntan Negara Malaysia tidak lewat daripada 31 Disember tahun berkenaan atau tarikh yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara; iii. Pindah peruntukan direkodkan dengan tepat dan lengkap dalam buku vot. Peruntukan Pembangunan iv. Waran pindah peruntukan ditandatangani oleh Pegawai Pengawal dan mendapat kelulusan Perbendaharaan;	i. <u>1PP-PB2.6</u> (m/s:4) ii. <u>1PP-PB2.6</u> (m/s:4) iii. <u>1PP-PB2.6</u> (m/s:4) iv. <u>1PP-PB2.5</u> (m/s:2) v. <u>1PP-PB2.5</u> (m/s:2) vi. <u>1PP-PB2.5</u> (m/s:2) vii. <u>1PP-PB2.5</u> (m/s:3)

3. KAWALAN BAJET			
BIL	PERKARA	KRITERIA	RUJUKAN
		v. Pindah peruntukan Peruntukan Pembangunan melebihi 50% daripada peruntukan tahunan asal perlu mendapat kelulusan Perbendaharaan; vi. Pindah peruntukan melebihi siling RMK tidak dibenarkan; vii. Tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan atau pengurangan kepada butiran yang ditambah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan Perbendaharaan.	
3.4	UNJURAN ANGGARAN KEPERLUAN ALIRAN TUNAI		
3.4.1	Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai (Tanggungjawab Pegawai Pengawal sahaja)	i. Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai Tahunan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan dikemukakan kepada Perbendaharaan mengikut format dan tempoh yang ditetapkan serta disahkan oleh Pegawai Pengawal; ii. Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai Bulanan yang disahkan Pegawai Pengawal dikemukakan kepada Perbendaharaan sebelum 15 hari bulan setiap permulaan suku tahun (Januari, April, Julai dan Oktober).	i. <u>1PP-PB1.2</u> (m/s:5) ii. <u>1PP-PB1.2</u> (m/s:5)
3.5	PEMANTAUAN PROJEK		
3.5.1	Pemantauan Kemajuan / Prestasi Perbelanjaan	i. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan SPP II dikemas kini dan data mengenai peruntukan tahunan, tambahan/kurangan siling/peruntukan tahunan dan perbelanjaan setiap tahun perlu diisi.	i. <u>1PP-PB1.2</u> (m/s:3)

4. KAWALAN TERIMAAN

BIL	PERKARA	KRITERIA	RUJUKAN
4.1	KAWALAN BORANG HASIL		
4.1.1	Penggunaan Borang Hasil	<ul style="list-style-type: none"> i. Borang hasil yang diterima direkodkan dengan kemas kini dalam Daftar Borang Hasil (Kew 67); ii. Borang hasil dikeluarkan mengikut susunan nombor yang betul; iii. Baki stok borang hasil didaftar bersamaan dengan baki sebenar; iv. Borang hasil yang belum dan sedang digunakan disimpan dengan selamat; v. Borang hasil yang diterima telah disemak dan diperakui betul tentang ketepatan nombor siri di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit; vi. Senarai stok borang hasil dinyatakan dalam surat pemberi alih/pengambil alih yang disediakan semasa pertukaran pemungut; vii. Borang hasil yang dikeluarkan daripada stok disemak sekurang-kurangnya setiap minggu oleh pegawai penyelia untuk memastikan borang hasil yang belum digunakan masih utuh. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>AP67 (m/s:28), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:23)</u> ii. <u>AP66(c) (m/s:28), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:23)</u> iii. <u>AP67 (m/s:28), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:23)</u> iv. <u>AP68 (m/s:28), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:23)</u> v. <u>AP66(a) (m/s:27), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:23)</u> vi. <u>AP66A (m/s:28), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:23)</u> vii. <u>AP80(c) (m/s:34)</u>
4.2	PENERIMAAN WANG		
4.2.1	Pengasingan Tugas	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengasingan tugas untuk terimaan diwujudkan 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>AP70(a) (m/s:28), AP73 (m/s:30), AP80(b) (m/s:33), AP71(a) (m/s:29), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:22)</u>
4.2.2	Kebenaran / Kelulusan Menerima Wang	<ul style="list-style-type: none"> i. Hasil yang dikutip adalah mengikut kadar yang dibenarkan; ii. Semua terimaan sewaan perlu diakaunkan sebagai hasil Kerajaan dan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>1PP-WP10.1 (m/s:4)</u> ii. <u>1PP-WP10.5 (m/s:2)</u>

4. KAWALAN TERIMAAN

BIL	PERKARA	KRITERIA	RUJUKAN
4.2.3	Keselamatan Semasa Kutipan	<ul style="list-style-type: none"> i. Ciri-ciri keselamatan wujud di ruang tempat penerimaan kutipan; ii. Notis pemberitahuan kepada orang awam untuk meminta resit dipaparkan di tempat yang mudah dilihat; iii. Ciri-ciri keselamatan wujud bagi kutipan yang dibuat secara mesin beresit/secara elektronik. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:22)</u> ii. <u>AP61 (a)(i) (m/s:25), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:22)</u> iii. <u>AP65(iii) (m/s:27), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:23)</u>
4.2.4	Penerimaan Melalui Mel	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Mel/Laporan Mel [bagi sistem e-Terimaan (TK120)] diselenggarakan oleh pegawai selain daripada juruwang/pegawai yang menyediakan resit; ii. Daftar Mel/Laporan Mel diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini; iii. Resit disediakan pada hari yang sama dan dihantar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya; iv. Daftar Mel/Laporan Mel disemak setiap hari dengan Buku Tunai/ Buku Tunai Elektronik (TK100) oleh Pegawai Penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>AP71 (m/s:29)</u> ii. <u>AP71(b) (m/s:29), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:11)</u> iii. <u>AP60(ii) (m/s:24), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:10)</u> iv. <u>AP71(e) (m/s:30), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:11)</u>
4.2.5	Perakuan Penerimaan Wang	<ul style="list-style-type: none"> i. Resit dikeluarkan dengan segera bagi semua kutipan; ii. Resit yang dipinda mesti dibatalkan bagi resit manual; iii. Resit yang dibatalkan beserta salinannya hendaklah dikemukakan untuk diaudit; iv. Resit Rasmi dibatalkan oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>AP60(ii) (m/s:25), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:10)</u> ii. <u>AP62(a) (m/s:25), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:12)</u> iii. <u>AP62(a) (m/s:25), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:12)</u> iv. <u>AP62(b) (m/s:26), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:12)</u>
4.2.6	Perekodan Borang Hasil	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai yang bertanggungjawab menyemak Buku Tunai dengan resit rasmi setiap hari; ii. Semua kutipan direkodkan dengan tepat; iii. Semua borang hasil yang hilang direkodkan dan dilaporkan dengan segera. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>AP80(b) (m/s:33), Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014 (m/s:14)</u> ii. <u>AP80(b) (m/s:33)</u> iii. <u>AP300(a) & (b) (m/s:115)</u>

4. KAWALAN TERIMAAN

BIL	PERKARA	KRITERIA	RUJUKAN
4.3	KEMASUKAN PUNGUTAN KE BANK		
4.3.1	Kemasukan Pungutan Ke Bank	<ul style="list-style-type: none"> i. Proses pungutan telah dibuat dengan segera dan teratur; ii. Semua prosedur pungutan secara <i>online</i> dipatuhi; iii. Sesalinan Perjanjian Antara Kerajaan dan <i>Acquiring</i> Bank ada disimpan; iv. Semua terimaan dipindahkan oleh bank ke dalam akaun Kerajaan mengikut perjanjian. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>AP78(a)</u> (m/s:32) <u>AP79(a)</u> (m/s:32), <u>Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014</u> (m/s:14) ii. <u>AP78(a)</u> (m/s:32) <u>AP79(a)</u> (m/s:32), <u>Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014</u> (m/s:14) iii. <u>PS 2.1</u> (m/s:3) iv. <u>PS 2.1</u>, Lampiran A (m/s:11)
4.4	KAWALAN PERAKAUNAN TERIMAAN / HASIL		
4.4.1	Penyata Hasil Penyesuaian	<ul style="list-style-type: none"> i. Akaun Tunai Bulanan diserahkan kepada Pejabat Perakaunan dalam tempoh yang ditetapkan; ii. Laporan Terperinci Hasil Bulanan (C330) yang diterima dari Pejabat Perakaunan disesuaikan dengan Buku Tunai manual/elektronik untuk menentukan segala pungutan yang diserahkan ke bank telah diambil kira oleh Pejabat Perakaunan; iii. Penyata Penyesuaian Hasil disediakan dengan tepat; iv. Pelarasan dibuat terhadap item yang tidak dapat disesuaikan; v. Tindakan diambil untuk menyelesaikan item yang tidak dikenal pasti dan berlarutan dalam Penyata Penyesuaian Hasil. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>AP145(a)</u> (m/s:66), <u>Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014</u> (m/s:20) ii. <u>AP143(b)</u> (m/s:65), <u>Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014</u> (m/s:20) iii. <u>AP143(a)</u> (m/s:65), <u>Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014</u> (m/s:20) iv. <u>AP143(b)</u> (m/s:65), <u>Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014</u> (m/s:20) v. <u>AP143(b)</u> (m/s:65)
4.4.2	Cek Tak Laku	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Cek Tak Laku diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini; ii. Pelarasan cek tak laku dibuat di dalam Buku Tunai / Buku Tunai Elektronik; iii. Cek tak laku telah diganti atau telah diambil tindakan untuk mendapatkan amaun gantian cek dengan segera; iv. Senarai Cek Tak Laku yang belum diganti disediakan dan dihantar kepada Pegawai Pengawal pada akhir tahun. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>AP76(b)(ii)</u> (m/s:31), <u>Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014</u> (m/s:18) ii. <u>AP76(b)(iv)</u> (m/s:31), <u>Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014</u> (m/s:18) iii. <u>AP76(b)(i)</u> (m/s:31), <u>Surat Pekeliling ANM Bil. 13 Tahun 2014</u>

4. KAWALAN TERIMAAN

BIL	PERKARA	KRITERIA	RUJUKAN
			(m/s:18) iv. <u>AP76(b)(iii)</u> (m/s:31), <u>Surat Pekeliling ANM</u> <u>Bil. 13 Tahun 2014</u> (m/s:19)
4.4.3	Akaun Belum Terima	<p>i. Peringkat Kementerian: Penyata Akaun Belum Terima (ABT) dikemukakan kepada Akauntan Negara Malaysia dalam tempoh ditetapkan.</p> <p>Peringkat Jabatan: Penyata Akaun Belum Terima (ABT) dikemukakan kepada Kementerian dalam tempoh ditetapkan;</p> <p>ii. ABT dilaporkan dengan tepat;</p> <p>iii. Hapus kira dilaporkan dengan tepat;</p> <p>iv. Jumlah ABT tidak meningkat melebihi 10 Juta atau 50% berbanding tahun sebelumnya;</p> <p>v. Jumlah ABT melebihi 6 tahun tidak melebihi 10 Juta atau 50% berbanding tahun sebelumnya;</p> <p>vi. Tindakan susulan telah diambil terhadap ABT.</p>	<p>i. <u>AP89A(a)</u> (m/s:37), <u>1PP-WP10.6</u> (m/s:6)</p> <p>ii. <u>1PP-WP10.6</u> (m/s:4)</p> <p>iii. <u>AP89A(b)</u> (m/s:37)</p>

5. KAWALAN PEROLEHAN

BIL	PERKARA	KRITERIA	RUJUKAN
5.1	KAWALAN AM PEROLEHAN		
5.1.1	Perancangan Perolehan	<ul style="list-style-type: none"> i. Perancangan Perolehan Tahunan disediakan; ii. Perancangan Perolehan Tahunan dikemukakan; kepada Kementerian / Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>1PP-PK1</u> (m/s:4) <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:4) ii. <u>1PP-PK1</u> (m/s:5) <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:4)
5.1.2	<i>Government Procurement Information System</i> (GPIS)	<ul style="list-style-type: none"> i. Semua kategori perolehan telah didaftarkan di dalam GPIS; ii. Penyelia dilantik di peringkat Kementerian/Jabatan/PTJ untuk memantau GPIS. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>1PP-PK1</u> (m/s:24) ii. <u>1PP-PK1</u> (m/s:25)
5.1.3	ePerolehan	<ul style="list-style-type: none"> i. Pasukan Petugas Kementerian/Pasukan Pelaksana Agensi ditubuhkan; ii. Mesyuarat Pasukan Petugas Kementerian (Peringkat Kementerian) /Pasukan Pelaksana Agensi (Peringkat Ibu Pejabat) diadakan sekurang-kurangnya 2 kali setahun; iii. Kementerian/Jabatan telah mencapai 75% daripada jumlah peruntukan tahunan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan melalui ePerolehan. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>1PP-PK5</u> (m/s:2) ii. <u>1PP-PK5</u> (m/s:2) iii. <u>1PP-PK5</u> (m/s:2)
5.2	KAEDAH PEROLEHAN		
5.2.1	Pembelian Terus	<ul style="list-style-type: none"> i. Pembelian terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/perkhidmatan tidak melebihi RM20,000 setahun; ii. Pembelian terus dibuat bagi kerja <i>requisition</i> yang menggunakan Jadual Kadar Harga tidak melebihi RM50,000 setahun; iii. Pesanan Kerajaan dikeluarkan terlebih dahulu sebelum bekalan/perkhidmatan diterima; iv. Pesanan Kerajaan diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa; v. Kajian pasaran dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:10) ii. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:13) iii. <u>AP176.1(d)</u> (m/s:81) <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:27) iv. <u>AP176</u> (m/s:81) v. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:11) <u>AP169.1</u> (m/s:74)

5. KAWALAN PEROLEHAN

BIL	PERKARA	KRITERIA	RUJUKAN
5.2.2	Pengurusan Sebut Harga melebihi RM20,000 hingga RM50,000	<ul style="list-style-type: none"> i. Perolehan setiap jenis item yang melibatkan perbelanjaan tahunan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 dibuat dengan mempelawa Sebut Harga; ii. Sebut Harga dibuat dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya tiga pembekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan; iii. Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga sekurang-kurangnya tiga orang ahli dilantik oleh Ketua Jabatan; iv. Jawatankuasa Sebut Harga yang telah dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:11) ii. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:11) iii. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:12) iv. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:12 & 26)
5.2.3	Pengurusan Sebut Harga melebihi RM50,000 hingga RM500,000	<ul style="list-style-type: none"> i. Perolehan setiap jenis item yang melibatkan perbelanjaan tahunan melebihi RM50,000 hingga RM500,000 dibuat dengan mempelawa Sebut Harga; ii. Sebut Harga dibuat dengan mempelawa sekurang-kurangnya lima (5) pembekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan; iii. Jawatankuasa Sebut Harga dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal; iv. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian; v. Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan Sebut Harga; vi. Borang Jadual Sebut Harga diisi dengan lengkap; vii. Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dipatuhi. viii. Pelaksanaan Sebut Harga dibuat oleh Jawatankuasa Sebut Harga yang telah dilantik secara bertulis; ix. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga ditandatangani oleh Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Sebut Harga; x. Maklumat lengkap mengenai pertimbangan dan keputusan Sebut Harga disimpan oleh Urus Setia Sebut Harga; 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:15) ii. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:15) iii. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:26) iv. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:20) v. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:22) vi. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:25) vii. <u>1PP-PK1</u> (m/s:6) viii. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:26) ix. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:27) x. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:25) xi. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:27) xii. <u>1PP-PK2.1</u> (m/s:27)

5. KAWALAN PEROLEHAN

BIL	PERKARA	KRITERIA	RUJUKAN
		<ul style="list-style-type: none"> xi. Minit mesyuarat keputusan Sebut Harga disediakan/difailkan; xii. Keputusan muktamad sebut harga dipamerkan di papan kenyataan/laman web Agensi. 	
5.2.4	Pengurusan Tender	<ul style="list-style-type: none"> i. Perolehan yang nilainya melebihi RM500,000 setahun bagi setiap jenis item dibuat secara Tender; ii. Jawatankuasa Pembuka Tender dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian; iii. Borang Jadual Tender Diisi Dengan Lengkap; iv. Proses penilaian, pertimbangan dan keputusan Tender adalah teratur; v. Minit mesyuarat keputusan Tender disediakan dengan teratur; vi. Keputusan muktamad tender dipamerkan di dalam laman web/papan kenyataan Agensi dan pautan (<i>hyperlink</i>) kepada laman web www.myprocurement.treasury.gov.my 	<ul style="list-style-type: none"> i. 1PP-PK2.1 (m/s:28) ii. 1PP-PK2.1 (m/s:46) iii. 1PP-PK2.1 (m/s:46) iv. 1PP-PK2.1 (m/s:49 & 53), AP191 (m/s:92) v. 1PP-PK2.1 (m/s:62) vi. 1PP-PK2.1 (m/s:54)
5.2.5	Rundingan Terus	<ul style="list-style-type: none"> i. Perolehan secara Rundingan Terus mendapat kelulusan Perbendaharaan; ii. Proses penilaian, pertimbangan dan keputusan Rundingan Terus adalah teratur; iii. Surat Setuju Terima dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan selepas kelulusan Kementerian Kewangan atau Lembaga Perolehan Agensi. 	<ul style="list-style-type: none"> i. 1PP-PK7.13 (m/s:3) ii. 1PP-PK7.14 (m/s:2) iii. 1PP-PK7.14 (m/s:3)
5.2.6	Pengurusan Kontrak	<ul style="list-style-type: none"> i. Semua kontrak didaftarkan; ii. Daftar/Rekod pembayaran kontrak diselenggarakan untuk rujukan dan pemantauan bayaran; iii. Kontrak dibuat atas nama Kerajaan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak 1973); iv. Surat Setuju Terima ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak 1973); v. Syarat perjanjian kontrak disemak dan diluluskan oleh Peguam Negara atau 	<ul style="list-style-type: none"> i. AP205.3 (m/s:108) ii. AP205.3 (m/s:108) iii. AP200.1 (m/s:99) iv. 1PP-PK4 (m/s:4) v. AP204 (m/s:107) vi. 1PP-PK1 [Lampiran 1.2, (m/s:2)] vii. 1PP-PK4 (m/s:5), AP200.2(a) (m/s:100), Surat Pekeliling ANM Bil. 2 Tahun 2011 (m/s:2) viii. 1PP-PK4 (m/s:4) ix. 1PP-PK8 (m/s:9)

5. KAWALAN PEROLEHAN

BIL	PERKARA	KRITERIA	RUJUKAN
		<p>Penasihat Undang-Undang Jabatan/Agensi;</p> <p>vi. Klausula Pencegahan Rasuah dimasukkan dalam Kontrak;</p> <p>vii. Bon Pelaksanaan dikenakan/ Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) dipotong mengikut kadar yang sepatutnya;</p> <p>viii. Kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima;</p> <p>ix. Tindakan diambil terhadap kontraktor yang tidak mematuhi syarat mengenai tempoh bekalan perjanjian kontrak.</p>	
5.2.7	Perolehan Secara Kontrak Pusat	<p>i. Perolehan secara Kontrak Pusat dibuat melalui pembekal yang ditetapkan;</p> <p>ii. Kebenaran Perbendaharaan diperolehi terlebih dahulu bagi pembelian yang dibuat luar dari Kontrak Pusat;</p> <p>iii. Mengambil tindakan susulan terhadap pembekal Kontrak Pusat yang lambat membekalkan barangan/pesanan.</p>	<p>i. <u>1PP-PK 2.1</u> (m/s:8)</p> <p>ii. <u>1PP-PK 2.1</u> (m/s:8)</p> <p>iii. <u>1PP-PK 8</u> (m/s:9)</p>
5.2.8	Perolehan Secara Kontrak Pusat Sistem Panel.	<p>i. Perolehan melalui Kontrak Pusat Sistem Panel mematuhi kaedah perolehan yang ditetapkan;</p> <p>ii. Kebenaran Perbendaharaan diperolehi terlebih dahulu bagi pembelian yang dibuat luar dari Panel Pembekal;</p> <p>iii. Mengambil tindakan susulan terhadap pembekal Kontrak Pusat /Panel Pembekal yang lambat membekalkan barangan/pesanan;</p> <p>iv. Kajian Pasaran Dijalankan;</p> <p>v. Kontrak Formal ditandatangani bagi kontrak bernilai melebihi RM50,000.</p>	<p>i. <u>1PP-PK 2.1</u> (m/s: 9)</p> <p>ii. <u>1PP-PK 2.1</u> (m/s: 9)</p> <p>iii. <u>1PP-PK 8</u> (m/s: 9)</p> <p>iv. <u>1PP-PK 2.1</u> (m/s: 9)</p> <p>v. <u>AP169.1</u> (m/s: 74)</p> <p>v. <u>1PP-PK 2.1</u> (m/s: 9)</p>

6. KAWALAN PERBELANJAAN

BIL	PERKARA	KRITERIA	RUJUKAN
6.1	KAWALAN PERAKAUNAN		
6.1.1	Kawalan Perakaunan	<ul style="list-style-type: none"> i. Bayaran bagi inoivis tanpa PT dibuat hanya untuk jenis perbelanjaan yang dibenarkan; ii. Buku Vot hendaklah diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas; iii. Penyata penyesuaian perbelanjaan disediakan setiap bulan; iv. Pelarasan dibuat terhadap item penyesuaian; v. Tindakan telah diambil bagi kes transaksi yang berlarutan dan tidak dikenal pasti; vi. Penyata penyesuaian perbelanjaan dikemukakan kepada Pejabat Perakaunan. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>1PP- PK7.4</u> (m/s:2) ii. <u>AP95(e)</u> (m/s:41), Manual Pengguna PTJ eSPKB (AK0901) iii. <u>AP143(b)</u> (m/s:65), <u>1PP-PS5.1</u> [Lampiran A (m/s:1)] iv. <u>AP143(b)</u> (m/s:65) v. <u>AP143(b)</u> (m/s:65) vi. <u>AP143(b)</u> (m/s:65)
6.2	PENGURUSAN PEMBAYARAN		
6.2.1	Had Kuasa	<ul style="list-style-type: none"> i. Had Kuasa Berbelanja yang ditetapkan dalam sistem adalah selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan; ii. Capaian dalam sistem telah dibatalkan bagi pegawai yang bertukar/berhenti/bersara; iii. Kad pintar tidak digunakan semasa ketiadaan pegawai/ pegawai tidak bertugas. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>AP101</u> (m/s:47), <u>Surat Pekeliling ANM Bil. 17 Tahun 2014</u> (m/s:8) ii. <u>Surat Pekeliling ANM Bil. 17 Tahun 2014</u> (m/s:28) iii. <u>Surat Pekeliling ANM Bil. 17 Tahun 2014</u> (m/s:28)
6.2.2	Daftar Bil	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Bil diselenggara dengan teratur dan kemas kini; ii. Daftar Bil (BV340) dicetak dan disemak oleh pegawai bertanggungjawab pada setiap bulan dan ditandatangani ringkas dan dicap nama, jawatan dan tarikh. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>AP103</u> (m/s:48) <u>Surat Pekeliling ANM Bil. 17 Tahun 2014</u> (m/s:10) ii. <u>Surat Pekeliling ANM Bil. 17 Tahun 2014</u> (m/s:10)

6. KAWALAN PERBELANJAAN

BIL	PERKARA	KRITERIA	RUJUKAN
6.2.3	Kawalan Dalaman Proses Bayaran	<ul style="list-style-type: none"> i. Bayaran hendaklah disokong dengan baucar bayaran; ii. Baucar bayaran disokong dengan dokumen yang lengkap dan sempurna; iii. Peraturan kewangan dipatuhi; iv. Pembayaran adalah wajar (<i>justify</i>); v. Pembayaran dibuat dengan betul dan tepat; vi. Penjenisan pembayaran direkod dengan betul; vii. Pembayaran diperakukan dengan sewajarnya; viii. Pembayaran dibuat tepat pada masanya; ix. Bayaran dibuat kepada penerima yang sah; x. Baucar bayaran dan dokumen sokongan dibuk/dicap tanda bayar. 	<ul style="list-style-type: none"> i. <u>AP99(a) (m/s:44), Surat Pekeliling ANM Bil. 17 Tahun 2014 (m/s:11,12,13,15,16)</u>
